

**Politik &
Masyarakat
Melayu
Perak**

Politik & Masyarakat Melayu Perak

ISHAK SAAT



2012

© Penerbit UTHM
Cetakan Pertama 2012

Hak Cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat keizinan bertulis daripada Pejabat Penerbit, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, Batu Pahat, Johor. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Ishak Saat 1964-
Politik dan masyarakat Melayu Perak/Ishak Saat.
Mengandungi Indeks
Bibliografi:ms.233
ISBN 978-967-0468-07-5

1. Malays (Asian People)--Perak--Politics and government.
2. Perak-- Politics and government. I. Judul.
320.9595114

Diterbitkan oleh:
Penerbit UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
86400 Parit Raja,
Batu Pahat, Johor
No. Tel: 07-453 7051 / 7454
No. Faks: 07-453 6145

Laman web: <http://penerbit.uthm.edu.my>
E-mel: pt@uthm.edu.my

Penerbit UTHM adalah anggota
Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia
(MAPIM)

Dicetak oleh:
Penerbit UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
86400 Parit Raja,
Batu Pahat, Johor
No. Tel: 07-453 7051 / 7454
No. Faks: 07-453 6145

PRAKATA

Buku Sejarah Politik Melayu Perak ini ingin menyingkap kembali kewujudan negeri Perak seawal kerajaan tradisional lagi iaitu sejak awal abad ke-2 lagi. Walau bagaimanapun Perak hanya menjadi terkenal dan makmur sekitar abad ke-5 dan ke-6 Masihi. Buku ini juga cuba memaparkan kembali bagaimana negeri Perak Darul Ridzuan ini mula-mula terbentuk sebagai sebuah negara bangsa. Bermula dengan sebuah wilayah kecil yang terkenal dalam kalangan kerajaan-kerajaan awal yang wujud di Nusantara. Dengan nama kerajaan Gangga Negara, kemudian kerajaan Melayu Beruas dan seterusnya kerajaan Manjung. Kerajaan Gangga Negara lenyap setelah diserang oleh empayar Sirivijaya dari Sumatera di bawah pemerintahan Raja Rajendra Chola I. Kemudian muncul kerajaan Melayu Beruas dan Kerajaan Manjung yang sentiasa bersengketa sehingga menyebabkan kerajaan-kerajaan ini semakin lemah dan mengecil. Kemudian dari itu muncul pula sebuah lagi kerajaan awal di daerah Hulu Perak bernama Janin. Lantaran kerana sering bersengketa maka akhirnya para pemerintah kerajaan-kerajaan kecil ini sepakat untuk bersatu di bawah satu naungan yang dipersetujui, warisan daripada Kesultanan Melayu Melaka sekitar abad ke-16.

Dalam abad ke-16 Kesultanan Melayu Perak lebih tersusun dan luas jika dibandingkan dengan kemunculan kerajaan awal tradisional dahulu. Negeri Perak Darul Ridzuan turut terkenal sebagai sebuah negara pembekal bijih timah sehingga pedagang luar datang berdagang seperti orang Arab, China, Portugis dan Belanda. Kemakmuran dan kekayaan yang dimiliki menyebabkan negeri Perak Darul Ridzuan menjadi terkenal dan sering menjadi tempat persinggahan. Malah menjadi perhatian dan rebutan

kuasa-kuasa Barat. Fenomena ini menyebabkan negeri Perak Darul Ridzuan mudah dan terdedah dengan ancaman dalam perebutan kuasa ekonomi khususnya kuasa-kuasa Barat yang ingin menguasai perdagangan bijih timah. Perancangan rapi dilakukan oleh penguasa-penguasa Barat untuk menguasai politik dan pemerintahan kerajaan Perak Darul Rizuan.

Lantaran kerana persengketaan antara para penguasa Melayu sehingga hilang pertimbangan dan kewajaran, demi takhta dan kekuasaan maka British diundang mencampuri urusan politik dan pemerintahan Melayu. Detik ini menjadi titik hitam dalam sejarah negeri Perak Darul Ridzuan dan Tanah Melayu amnya. Bermulalah campurtangan secara langsung penjajah British dalam urusan kerajaan Melayu menyebabkan berlakunya berantakan politik Melayu di bumi Melayu. Tercetus Perang Perak tahun 1875, yang menyebabkan para bangsawan menerima bahana yang dahsyat. Ada yang dibuang negeri hatta ada yang mati di tali gantung. Peristiwa ini menjadi pemangkin kepada kebangkitan orang Melayu di negeri-negeri Melayu yang lain kemudiannya.

Dalam catatan sejarah negeri-negeri Melayu, negeri Perak Darul Ridzuan seringkali mendahului zaman. Bermula dengan peristiwa penentangan dan pembunuhan J.W.W Brich tahun 1875. Kemudian kebangkitan rakyat dalam perjuangan kemerdekaan tahun 1938 melalui Kesatuan Melayu Muda (KMM). Seterusnya perjuangan berbentuk kepartian dengan penubuhan Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) tahun 1945. Parti ini merupakan parti politik yang pertama diwujudkan oleh orang Melayu. Perjuangan politik orang Melayu Perak tidak berhenti setakat itu tetapi sebaliknya terus subur dengan penubuhan parti politik Islam yang pertama di Tanah Melayu iaitu Hizbul Muslimin di Gunung Semanggol, Perak pada tahun 1948. Catatan sejarah ini menunjukkan negeri Perak Darul Ridzuan seringkali mencatatkan sejarahnya yang tersendiri dan mendahului negeri-negeri Melayu yang lain. Begitu juga kalau menyingkap sejarah pengenalan Darurat tahun 1948, melalui peristiwa pembunuhan pegawai British di Sungai Siput maka Darurat diisytiharkan di seluruh Tanah Melayu. Kemudian kalau menyingkap pejuang-pejuang politik Melayu, ramai

dalam kalangan mereka ini adalah anak kelahiran negeri Perak. Kebangkitan mereka dengan pelbagai aliran seperti kebangsaan, Islam, sosialis dan juga komunis. Nama-nama seperti Dr Burhanuddin Al Helmy, Ahmad Boestamam, Ustaz Abu Bakar Al Baqir, Rashid Maidin, Abdullah CD, Musa Ahmad, Dato Panglima Bukit Gantang Wahab dan ramai lagi. Kesemua ini membuatkan sejarah negeri Perak amat menarik untuk dikaji dan baca.

Justeru itu, buku ini amat sesuai untuk para peminat sejarah, guru dan bakal guru, siswa dan siswi serta ahli-ahli politik tatapi agar dapat mengetahui sejarah kemunculan dan perkembangan serta perjuangan khususnya Sejarah Politik Perak Darul Ridzuan. Malah penulis cuba paparkan catatan sejarah ini sebagai permulaan yang diharapkan boleh disambung oleh pengkaji kemudian untuk mendalami atau membongkarkan sejarah yang tersirat dari sejarah yang tersurat.

Penulis mengambil kesempatan mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Universiti Pendidikan Sultan Idris kerana memberikan galakan dan semangat dari segi moral dan kewangan untuk menghasilkan buku ilmiah ini dan sebahagian dari hasil buku sejarah ini adalah dari peruntukan Geran Penyelidikan UPSI : 2011-0013-106-01

Sekian

Profesor Madya Dr Haji Ishak bin Saat
Jabatan Sejarah
Fakulti Sains Kemanusiaan
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjung Malim
Perak Darul Ridzuan.
23 Mei 2012

ISI KANDUNGAN

<i>Prakata</i>	v
BAB 1 MUKADIMAH	1
BAB 2 KERAJAAN AWAL PERAK	7
Pendahuluan	7
Kerajaan Awal Perak	7
Bukti Arkeologi Kewujudan Kerajaan Awal di Tanah Melayu	8
Sejarah Kerajaan-kerajaan Awal di Perak	10
Kerajaan Gangga Negara	11
Kerajaan Melayu Beruas dan Kerajaan Manjung	13
Kemunculan Kesultanan Melayu Perak	16
Perak Warisan Kesultanan Melayu Melaka	19
Pusat Pentadbiran dan Pemerintahan	22
Hubungan Dagangan Antarabangsa	27
BAB 3 LATAR BELAKANG POLITIK DI PERAK	33
Pendahuluan	33
Latar Belakang Perjuangan Politik Melayu Perak	33
Perjanjian Pangkor	35
Situasi Politik Perak Sekitar Awal Abd ke-20	37
BAB 4 PENGARUH INSTITUSI PENDIDIKAN DALAM POLITIK PERAK	47
Pendahuluan	47
Pendidikan Islam di Tanah Melayu	52
Perkembangan Institusi Pendidikan di Perak	55
Peranan Ulama dan Sultan dalam Pendidikan di Perak	58
Institusi Pendidikan Penggerak Kesedaran Bangsa	70
Maktab Perguruan Sultan Idris dan Mahaad II Ihya Al Syarif	71
Kebangkitan Kesedaran Orang Melayu Perak	80

BAB 5 POLITIK RADIKALISME MELAYU PERAK	109
Pendahuluan	109
Politik Radikal Melayu Perak	109
Pengaruh Agama	119
Pengaruh Pendidikan	122
Impak Penjajahan	125
Kedudukan Ekonomi	127
Pengaruh Politik	132
BAB 6 PERANAN AKHBAR DI PERAK 1945-1948	145
Pendahuluan	145
Peranan Akhbar di Perak	145
Parti Kebangsaan Melayu Malaya	156
BAB 7 POLITIK KEMERDEKAAN MELAYU PERAK	177
Pendahuluan	177
Perjuangan Islam	177
Perjuangan Kebangsaan Melayu	184
Merdeka Istilah Keramat	196
British Bertindak	201
<i>Rumusan</i>	217
<i>Lampiran</i>	229
<i>Bibliografi</i>	233
<i>Indeks</i>	249
<i>Biodata Penulis</i>	253